

UMSKAL johan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha

UB 6.4.2018 A6



KELAB Debat Bahasa Melayu UMSKAL johan Debat Piala Pengetua KKTm.

LABUAN: Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (KDBMKAL) telah mencatat sejarah selepas dinobatkan sebagai johan dalam Pertandingan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) yang berlangsung di UMS Kota Kinabalu.

Dengan kekuatan seramai 10 pendebat KDBMKAL dan jurulatih Hasrul Effendi Muhd Salleh, UMSKAL telah menghantar tiga pasukan ke Pertandingan Debat Piala Pengetua KKTm yang berlangsung selama tiga hari dua malam.

Satu daripada pasukan yang dihantar telah berjaya ke pentas akhir yang diwakili oleh mahasiswi tahun akhir di UMSKAL iaitu

Nur Medina Khairul Anuar, Fatim Nabillah Baharin dan Nur Jannah Mohd Firdaus, yang merangkul piala dan wang tunai serta sijil penyertaan.

Pasukan UMSKAL terus ceria apabila Fatim Nabillah telah berjaya menarik perhatian juri sehingga memilihnya sebagai pendebat terbaik pentas akhir pertandingan debat itu.

Walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh, pasukan pendebat tempuhi bersama barisan Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Antarabangsa Labuan (MPPKAL) yang sudi menghulurkan bantuan kepada pasukan KDBMKAL dalam misi untuk sampai ke pertandingan itu.

Sekalung penghargaan buat pihak pengurusan UMSKAL, Sektor Perumahan dan Hospitaliti serta Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Antarabangsa Labuan (MPPKAL) yang telah memberikan kepercayaan kepada KDBMKAL mewakili UMSKAL ke pertandingan itu.

Ia kekal diingatan buat penyelaras KDBMKAL yang sentiasa memberikan sokongan dan turut menyaksikan pertandingan berkenaan, iaitu Suzillah Sidek yang juga pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL).